

NEKMAT yakin MOA akan bantu nelayan

SHAH ALAM - Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) mewakili suara nelayan berharap Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) diteruskan kerana majoriti nelayan di Malaysia masih hidup di bawah paras kemiskinan.

Pengerusinya, Abdul Hamid Bahari dalam satu kenyataan berkata, nelayan terlibat dengan pekerjaan berisiko tinggi dengan hasil yang tidak menentu dan keadaan ini dikhuatiri menyebabkan nelayan berubah kepada pekerjaan lain, sekali gus menjelaskan industri perikanan negara.

"Kami percaya pihak menteri dan pihak kementerian akan memperincikan mengenai status ESHN ini, apakah lagi nelayan adalah pembekal utama sumber



ABDUL HAMID

protein negara.

"Sebelum ini sebanyak RM100 daripada ESHN diperuntukkan untuk bayaran insurans nelayan yang turun ke laut. Nelayan seluruh negara masih menanti-nanti status elaun sara hidup ini sama ada diteruskan pada tahun hadapan atau sebaliknya," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, kerajaan telah memperkenalkan elaun sara hidup kepada nelayan sejak tahun 2006 dalam usaha meringankan beban mereka.

Pihak kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah melaksanakan pembayaran elaun sara hidup kepada 48,141 nelayan di seluruh negara.

Beliau berkata, pihak LKIM bersama NEKMAT juga sedang melakukan pemutihan penerima ESHN agar golongan tulen nelayan sahaja memperolehnya.

"Elaun sara hidup ini perlu dipertimbangkan kerana pendapatan bulanan nelayan agak kecil, justeru adanya elaun ini, golongan tersebut dapat memenuhi keperluan harian sekeluarga," katanya.